

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 JANUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MINISTER OF AGRICULTURE WANTS ANOTHER MINISTER FOR FISHERIES AS HE IS TOO BUSY, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A21 LAWATAN PM: PELUANG UNTUK T'GANU PRODUKTIF, HAKAH DAILY -ONLINE 'ENFORCEMENT VITAL FOR TOTALLY PROTECTING SHARKS AND RAY SPECIES', NATION, THE STAR -14 A HARUM MANIS SUCCES FOR PADI FARMERS, NATION, THE STAR -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5.	DURIAN BELANDA TAMBAH PENDAPATAN PENEROKA, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7.	OBJECTION AGAINST PORK PRODUCTS IMPORT BAN, NATION, SIN CHEW DAILY -11 WONG SUGGEST TO BAN IMPORT OF RAW PIG AND OTHER PORK FOOD PRODUCTS, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	TIADA KOMPROMI PROJEK AMCAM PENYU KARAH, SENTRAL, SH -34	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11. 12.	NELAYAN BOLEH MOHON SEMULA ESH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -11 KELUAR SENARAI PENERIMA INSENTIF JIKA REKOD KWSP AKTIF, SENTRAL, SH -34 CEBURI AKUAKULTUR, HILIRAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -11 REKOD KWSP PUNCA PERMOHONAN SARA HIDUP NELAYAN DITOLAK, ISU, BH -56	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	PEKEBUN KECIL BANTAH CADANGAN, PILIHANRAYA KECIL, BH -15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Minister of Agriculture wants another minister for fisheries as he is too busy		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	09 Jan 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A21	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,613



农长顾不及 建议委渔业部长

新山8日讯 |

边加兰区渔民协会主席阿布峇卡表示，渔民和渔业如今虽被纳入农业部长的管辖范围内，然而农业部长的职责范围涵盖太多领域，无法良好地为渔民谋取和策划更好的发展未来。

他说，相对于马来西亚渔民面对生活困苦的情况，国外却有许多依靠渔业起家的事迹。

「我们碰见国外的渔民时，可以发现他们的资源和设备都比我们的好，他们能够在海上待1个星期、1个月甚至有的能够待1年，而马来西亚

渔民的设备却只能让我们待在海面上最长2天的时间，从这一点来看，就足以证明我们的不足。」

因此他认为，若想要良好地发展马来西亚的渔业，则应该设立一个专属部门，并任命一位部长掌管相关事务。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Lawatan PM: Peluang untuk T'ganu produktif



RAMAI yang bersungut kepada saya, Perdana Menteri (PM) tak ada umum apa-apa projek mari melawat Terengganu.

Tak apalah, kita dah lama lalui zaman bila pemimpin mari melawat, jadi kemestian wajib kena umum projek. Cukuplah itu. Biar Kerajaan PH laksana dulu apa yang telah mereka umumkan.

Saya menilai peluang bersama dalam lawatan PM ini sangat produktif. Tentu sekali saya tak berpeluang duduk bincang dengan PM. Tapi peluang berjumpa pegawai kanan Kementerian Pertanian yang hadir seperti KSU MOA, Ketua Pengarah LPP, Ketua Pengarah Pertanian, Ketua Pengarah FAMA dan Ketua Pengarah LKIM saya gunakan sebaiknya untuk bincang pelbagai

isu untuk masyarakat tani, penternak dan nelayan Terengganu. Mereka sangat *supportive*.

Kita perlu bijak mengintai dan memanfaatkan setiap peluang demi untuk rakyat. PR kena kemas dan data perlu lengkap. Cakap kena teratur dan wajah kena manis.

YB DR AZMAN IBRAHIM

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri Terengganu - **HARAKHADAILY 8/1/2019**

'Enforcement vital for totally protecting sharks and ray species'

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The recent proposal by the Sabah government to name four types of sharks and two giant ray species as totally protected is good, but environmentalists hope it could be properly implemented and enforced.

World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia conservation director Dr Henry Chan said a comprehensive measure to ensure that local communities, enforcement officials and fishermen understand and abide by the law when it comes into effect is needed.

There needs to be a stronger call for the implementation of the new regulation, he said in a statement on Monday.

Provision of education and socialising programmes for the fishing industry, local communities and enforcers in order to avoid accidental capture, consumption and trade of the listed species are also important, he said.



Cause for concern: Sharks being sold at a market in Sabah. Photo taken from Sabah Sharks Protection Association's Facebook page.

Dr Chan said while the proposal was good news for the conservation of the shark and ray species, its enforcement will face potential challenges.

He said the WWF foresees that key local communities who rely on sharks and rays as a source of income and protein may not fully agree to it.

The listed species could also be caught in fishing vessels such as trawlers as there is a lack of bycatch mitigation technique to avoid accidental catch in our fisheries management, he said.

The four types of sharks proposed for total protection are the great hammerhead shark (*Sphyrna mokarran*), smooth hammerhead shark (*Sphyrna zygaena*), winghead shark (*Eusphyrna blochii*) and oceanic whitetip shark (*Carcharhinus longimanus*).

The two ray species are the giant oceanic manta (*Manta birostris*) and reef manta (*Manta alfredi*).

These species were first identified for protection in 2017 and are listed under the Convention on the International Trade in Endangered Species (CITES).

The proposal of these new listed species under the Fisheries Act 1985 reinforces our national conservation commitment in protecting threatened shark and ray species in Malaysia, Dr Chan said.

He also hoped the scalloped hammerhead, silky shark, three species of thresher sharks and nine species of devil rays - which are listed on Appendix II of CITES - will be afforded similar protection.

The regulation currently only protects the whale shark and sawfish, and states that no person shall fish for, disturb, harass, catch, kill, take, possess, sell, buy, export or transport any of the specified endangered species except with written permission from the Director-General of Fisheries.

Dr Chan said WWF-Malaysia is committed to continue working with the government towards sustainable management and conservation of sharks in Malaysia.

Shark and ray fisheries can become sustainable through the introduction of strong management by incorporating science-based catch limits that take into account the different reproduction rate of different species and their existing conservation status, he said.



SEGi University



segi.edu.my

HIGH ACHIEVER'S SCHOLARSHIP

More than 40 years of caring and sharing

100% scholarship for top scorers in SPM or O-Levels

ACADEMIC ACHIEVEMENT	% OF SCHOLARSHIP (URSON FEE)
SPM / O-Level*	
Full A's	100%
9 A's	75%
8 A's	50%
STPM / GCE / A-Level*	
4 A's	100%
3 A's	75%
2 A's	50%
UEC*	
4 A / 15 Points	25%
5 A / 10 Points	50%
6 A / 7 Points	75%
7 A / 5 Points	100%

APPLY NOW WITH YOUR TRIAL EXAM RESULT!



Requirements*:

1. Malaysian citizen
2. Current SPM/STPM/O-Levels/A-Levels students
3. Applicants with a minimum of 1A are also encouraged to apply

Apply Online at segi.edu.my/has2019

*For Malaysians only. Terms & conditions apply

SEGi University Kota Damansara (DU0318)
No. 9, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor,
Kota Damansara, PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor.
☎ 603 6145 1777 ☎ 011 1210 6389 ☎ 1800 88 7344

A Harum Manis success for padi farmers

Group making more money from selling mangoes

KANGAR: They work on the padi fields but the sweeter success comes from planting Harum Manis mangoes.

Padi farmers in Sungai Batu Pahat, Perlis, are now earning more money from selling mangoes than the income generated from planting padi.

Mohd Zunkofli Yahya, 46, said the income from padi alone was not sufficient to meet the expenses of his five schoolgoing children.

Six years ago, the padi farmer planted 20 Harum Manis saplings behind his house.

He has been selling the mangoes for the past two years, generating an income of RM10,000 a season every year.

"I only make RM600 planting a hectare of padi but I can earn RM500 per tree by planting 30 Harum Manis trees on a 0.5ha land," he said.

He said he used the same pesticide on both padi and mango trees to keep insects away.

He said it was cost-effective as the pesticide was supplied by the Farmers' Organisation Authority.

Zunkofli is using the cafe which he has been operating for the past 15 years to sell his mangoes.

On good days, he can sell 40kg of mango juice and mango sticky rice.

"A kilogramme of Harum Manis can make at least three glasses of drinks at RM6 each and three plates of sticky rice mango

“I only make RM600 planting a hectare of padi but I can earn RM500 per tree by planting 30 Harum Manis trees on a 0.5ha land.”

Mohd Zunkofli Yahya

at RM8 a plate.

"The sales touch almost RM2,000 a day, twice as much as the income from planting padi twice a year," he said.

Another padi farmer who is also planting Harum Manis, Mat Ros Saad, 59, said the market price for the mangoes was more profitable at RM20 a kilogramme and without going through a middleman.

He said 80% of the padi farmers in Sungai Batu Pahat who own 100ha of padi fields, also planted Harum Manis for the past seven years.

Mat Ros, who planted 50 Harum Manis trees on his farm, said 30 Harum Manis growers had registered as cluster members in Sungai Batu Pahat to facilitate the marketing of the popular Perlis produce. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	KOSMO	NEGARA	17

Durian belanda tambah pendapatan peneroka

GUA MUSANG – Seorang peneroka di Felda Aring 1 di sini mengusahakan tanaman durian belanda atau durian selat sebagai alternatif bagi menambah pendapatan selepas harga buah kelapa sawit jatuh.


Nik Azmi Raja Ismail, 60, telah menanam sebanyak 1,665 pokok buah durian belanda di atas tanah seluas 2.4 hektar sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, dia tidak takut untuk menceburi bidang tanaman durian belanda kerana yakin khasiat buah terba-bit boleh memberi pulangan lumayan.

Hasilnya, kebun duriannya kini telah mengeluarkan hasil sebanyak 50 peratus sejak enam bulan lalu dan sudah berjaya memasarkan buah itu.

“Saya percaya hasil durian belanda ini akan memberi pulangan lebih daripada kelapa sawit memandangkan permintaan buah ini agak tinggi.

“Sebagai permulaan saya dapat menambah pendapatan sampingan melalui du-



NIK AZMI menunjukkan buah durian belanda yang ditanam di kebunnya di Felda Aring 1, Gua Musang, Kelantan, semalam

rian belanda sebanyak RM500 sebulan,” katanya ketika ditemui pemberita di kebunnya di Felda Aring 1 di sini semalam.

Tambah Nik Azmi, rutin hariannya padat kerana setiap minggu jadualnya

dipenuhi dengan kerja memetik buah, membaja dan meracun serangga di kebun berkenaan.

Katanya, dia berterima kasih kepada Jabatan Pertanian kerana banyak memberinya khidmat nasihat dan bantuan lain untuk menguruskan kebunnya itu.

“Buah durian belanda saya sudah mencecah berat tiga kilogram dan berjaya memungut hasil 20 kilogram seminggu,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertanian Jajahan Gua Musang, Azrim Ibrahim berkata, tanaman durian belanda atau dikenali durian sayur di Kelantan berpotensi tinggi dan memberi pulangan lumayan apabila harga buah itu mencecah RM15 sehingga RM25 sekilogram ketika ini.

Katanya, pihaknya bersedia membantu pekebun yang berminat dan ketika ini hanya terdapat dua individu di jajahan ini yang mengusahakan tanaman itu secara komersial.

Headline	Objection against pork products import ban		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	09 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	11	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	112 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,501
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,503



(吉隆坡8日讯) 马来西亚猪肉产品进出口商公会 (MAPPIE) 今日反对马来西亚禽畜业联合总会提出禁止猪肉进口的建议, 并质疑禽总的做法是否想在来临农历新年期间, 垄断猪肉市场。

该公会发表文告表示不认同禽总的做法, 即通过传媒, 以公开方式来压迫政府, 进而达到本身目的。

“本会劝告禽总三思后行, 如此大事公告提出非洲猪瘟事件, 会影响消费者对猪肉的顾忌, 毕竟这非洲猪瘟并没有发生在本国。

猪肉進出口商會質疑圖壟斷 反對禽總建議禁豬肉進口

“为何要在这期间把在其他国家发生非洲猪瘟事件在本地市场搞大? 如此做法是有什么恶意? 是否想通过传媒报界的力量来压迫部长, 政府当局禁止猪肉进口而有意垄断猪市场呢?”

该公会表示, 政府部门如兽医局、大马检疫及检验服务局 (MAQIS) 专业严格, 并已加强预防措施提高监督与检查水平。

该公会希望禽总对新政府、

部长们及政府当局的官员们有信心; 同时也表示支持及认同副农长沈志勤决定不禁止猪肉进口的决定。

禽总昨日要求政府全面禁止外国进口猪只、冷冻猪肉、乳猪、黑毛猪及一切猪类制成品, 包括罐头、腊味及香肠等, 以一劳永逸解决非洲猪瘟病毒, 保护消费者安全及养猪业生产链。

Headline	Wong suggest to ban import of raw pig and other pork food products		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	09 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	59,667
Page No	B6	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,971
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,913



大马须严密预防猪瘟 黄俊仪：禁生猪肉成品进口



进口至我国。左起李启源及陈光亮。政府必须全面禁止所有猪肉制成品和生猪肉进口。黄俊仪（中）代表大马禽畜业联合总会促

（梳邦再也 8 日讯）非洲猪瘟疫情笼罩中港台，尽管我国不受该疫情影响。但马来西亚禽畜业联合总会促政府必须全面禁止所有猪肉制成品和生猪肉进口至我国。

大马禽畜业联合总会会长拿督黄俊仪指出，自爆发非洲猪瘟疫情后，该会就非常关注该疫情传播至各地的新闻报道。

他联合本地猪农召开联合新闻发布会，指虽然我国已采取措施禁止从中国进口猪肉及猪类产品，但仍认为政府有必要采取更严密的预防措施，以免该病毒进入我国。

此外，该总会生猪肉组代主任李启源则建议，政府应该 100% 禁止所有猪肉产品进入我国，尤其是针对邻近中国的国家如越南等。

“目前，虽然政府已经下令禁止欧盟和中国猪肉进口我国。但我国仍有进口越南猪肉。”

“虽然现阶段越南并未传出非洲猪瘟疫情，可是越南与中国非常靠近，很难不排除病毒不会传到当地。”

他也要求政府针对受非洲猪瘟感染国家的旅客，检验他们的行李是否有携带猪肉产品。

“尤其是针对来自日本、韩国、台湾和泰国的旅客。”

基于此，他表示，大马禽畜业联合总会呼吁兽医局和大马关口检验部门（MAQIS）提高监督和检查水平，因为非洲猪瘟严重地

影响本地养猪业者的的发展。

出席这场记者会的包括大马禽畜业联合总会署理总会长陈光亮、理事张鸿财、柔佛禽畜业公会会长刘林发等。

本地猪肉供应量充足

黄俊仪强调，即便我国全面禁止外国猪肉进口，本地市场猪肉的供应量也绝对充足。

“上周，农业及农基工业部副部长沈志勤已经保证，本地猪肉供应量充足，且价格稳定，因此就算我国全面禁止猪肉的进口，也不会导致市场猪肉供不应求。”

询及倘若全面禁止猪肉产品的进口，是否会影响市场午餐肉罐头的供应，他则表示，其实并不是只有中国有产制午餐肉罐头，本地业者也有产制，只是较少人知道。

若发生疫情冀补偿猪农

避免 1998 年立百病毒灭猪导致本地猪农生计受影响事件重演，大马禽畜业联合总会希望政府在我国若不幸爆发非洲猪瘟后，能够给予猪农充分补偿。

该总会会长拿督黄俊仪希望，倘若我国不幸爆发毁灭性的非洲猪瘟疫情，并导致猪只遭到毁灭，政府能够伸出援手，给予猪农充分地补偿。

“除了补偿，我们也希望政府在疫情后，能够协助猪农未来的发展，以保障本地消费者利益和整个产业链的发展。” #

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	34

Tiada kompromi projek ancam penyu karah

ALOR GAJAH - Kerajaan Melaka tidak akan berkompromi terhadap projek tambakan laut yang tidak mematuhi peraturan dan spesifikasi ditetapkan sehingga mengancam penyu karah dan hidupan laut lain di negeri ini.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Industri Asas Tani dan Koperasi Melaka, Norhizam Hassan Baktee berkata, pencemaran berlaku berikutan kegiatan penambakan laut sehingga mengubah ekosistem hidupan laut di kawasan terlibat, antara lain turut mengancam pendaratan penyu karah.

Beliau berkata, penyu karah merupakan khazanah alam yang perlu dilindungi, justeru kerajaan negeri sentiasa mengambil sikap tegas terhadap isu membabitkan alam sekitar negeri ini seiring dengan dasar kerajaan negeri yang mahu pembangunan seiring dengan kelestarian alam sekitar.

"Projek tambakan laut menjadi antara punca penyu tidak mendarat di Kuala Linggi dan Tanjung Bidara dekat sini. Oleh itu, saya tidak akan membiarkan kegiatan (projek tambakan laut) tersebut berlaku tanpa sebarang kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Jika ia (projek tambakan laut) berlaku secara berterusan, ada kemungkinan penyu merajuk dan tidak akan kembali ke destinasi pendaratan,"

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Penghargaan Pekerja Konservasi Penyu 2018 di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Padang Kemunting di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai lapan pemungut telur penyu berlesen diraikan bagi menghargai jasa mereka dalam membantu Jabatan Perikanan Melaka menjaga dan memulihara penyu.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Johari Tim.

Norhizam berkata, pendaratan penyu di Pulau Upeh mengalami penurunan sebanyak 30 peratus apabila hanya terdapat 20 sarang tahun lepas berbanding 36 sarang pada 2017 yang mana setiap sarang menghasilkan kira-kira 130 biji telur.

"Jabatan Perikanan merekodkan pendaratan penyu karah berjumlah 4,594 sarang dengan 544,930 telur sepanjang 2009 hingga tahun lepas. Manakala, sebanyak 317,583 anak penyu dilepaskan ke laut bagi tempoh sama," katanya.

Sementara itu, Johari berkata, jabatannya menyasarkan pusat konservasi berkenaan mampu menarik kehadiran 70,000 pengunjung tempatan dan luar negara bersempena Tahun Melawat Melaka 2019 berbanding 58,000 pengunjung, tahun lepas. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Norhizam (tengah) menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Pekerja Konservasi Penyu Cemerlang 2018.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Nelayan boleh mohon semula ESH

PASIR GUDANG

8 Jan. - Nelayan yang menerima Elaun Sara Hidup (ESH) sebelum ini tetapi tidak menerimanya selepas proses pemutihan dilaksanakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) baru-baru ini boleh memohon semula.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, mereka yang sebelum ini ditapis dan dikeluarkan daripada senarai penerima boleh membuat rayuan menerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan mengemukakan alasan munasabah untuk dipertimbangkan.

"Ini kerana hasil pemutihan, seramai 40,000 daripada 57,000 nelayan layak menerima bantuan sara hidup itu daripada kerajaan kerana menepati syarat.

"Jadi kita masih membuka ruang kepada mereka mengemukakan rayuan kepada PNK. Kemudian akan disemak dan disiasat pula LKIM kerana penolakan bantuan sara hidup sebelum ini ada kemungkinan disebabkan terlepas pandang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	34

Keluar senarai penerima insentif jika rekod KWSP aktif

PASIR GUDANG - Nelayan mempunyai rekod Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang aktif akan dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan sara hidup bagi golongan itu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, ia adalah antara kriteria digunakan dalam proses pemutihan bagi mengenal pasti nelayan yang betul-betul layak sahaja dapat menerima bantuan.

“Ada nelayan yang kita dapati ada rekod KWSP, kalau kita dapat rekod itu memang kita akan terus potong nama mereka (dalam senarai penerima bantuan).”

“Bila nelayan ada rekod KWSP ini, ia bermaksud me-



Muhammad Faiz (tengah) pada sidang media, semalam.

reka ini bekerja seperti biasa dan tidak mungkin mereka boleh turun ke laut untuk tempoh 120 hari. Itu contoh bagaimana pemutihan dibuat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM dengan pimpinan nelayan Johor di Bilik Mesyuarat Josfa, semalam.

arat Josfa, semalam.

Muhammad Faiz berkata, bagaimanapun, setelah pemutihan dilakukan manamana nelayan yang diketepikan daripada senarai penerima masih boleh membuat rayuan.

“Perkara ini akan dikaji semula dan disiasat oleh LKIM jika rayuan mereka bermerit

maksud mereka ini memang nelayan dalam erti kata di bawah undang-undang mereka perlu turun ke laut 120 hari setahun.

“Perkara itu boleh disahkan dengan bukti contohnya gambar atau pemeriksaan di bawah LKIM. Kita akan masukkan semula nama mereka sebagai penerima,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Golongan nelayan digesa cari sumber pendapatan tambahan

Ceburi akuakultur, hiliran

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
utusan.johor@gmail.com

■ PASIR GUDANG 8 JAN.

GOLONGAN nelayan boleh menceburkan diri dalam industri akuakultur dan hiliran dalam usaha untuk menambah pendapatan sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, hasil terlibat dengan industri tersebut mampu menjadi sumber pendapatan tambahan dan lumayan.

Muhammad Faiz berkata, mereka tidak perlu lagi terlalu bergantung dengan hasil tangkapan laut kerana keadaan laut serta faktor cuaca yang tidak menentu ketika ini, sebaliknya menjadikan sumber makanan laut sebagai sumber baharu untuk menyara keluarga.

“Golongan nelayan boleh terlibat dengan aktiviti akuakultur atau penternakan selain menghasilkan makanan sejuk beku atau menghasilkan keropok lekor dan otak-otak.

“Mereka boleh menjadikan sumber makanan laut sebagai sumber pendapatan tambahan. Insentif untuk usahawan pertanian disediakan dengan peruntukan RM20 juta dan setiap seorang boleh menerima bantuan antara RM10,000 dan RM20,000,” katanya.



MUHAMMAD FAIZ FADZIL NOOR (kiri) bertanya khabar ketika bertemu nelayan selepas Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pemimpin Nelayan Peringkat Negeri Johor di Bandar Baru Kota Puteri, Masai, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pemimpin Nelayan Peringkat Negeri Johor di Bandar Baru Kota Puteri, Masai, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Josfa) negeri, Datuk Mohamad Dolmat dan Pengerusi LKIM negeri, Noslan Setat.

Semalam Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu golongan nelayan dan petani berubah meninggalkan cara hidup lama dengan mengamalkan pendekatan lebih moden bagi membolehkan mereka

keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menurut Dr. Mahathir, pendekatan tersebut perlu memandangkan sejak dahulu lagi golongan tersebut sering kali dikaitkan dengan status kemiskinan dan hidup menderita kerana terlalu banyak bergantung kepada bantuan kerajaan.

Sehubungan itu kata Perdana Menteri, sudah sampai masanya mereka berani

bersaing dan sanggup mengubah cara hidup dengan menceburi bidang baharu seperti perniagaan dan industri berasaskan hasil produk tempatan yang ada di sekeliling mereka.

Muhammad Faiz berkata, saranan Perdana Menteri itu bukan bermakna kerajaan sudah tidak berminat membantu kelangsungan golongan berkenaan tetapi hanya mahu mereka mempunyai pelan sokongan sumber rezeki pada masa hadapan.

NOTIS PERMOHONAN LESEN MENJUAL MINUMAN KERAS

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa **ANG TOON POH, NO. K/P: 880403-36-6331** yang berniaga dengan nama **EMPIRE KTV NIGHTCLUB (MELAKA) SDN. BHD. (1135212-D)** di alamat **NO. 9, BANGUNAN DRALAND, JALAN MERDEKA, 75000 MELAKA** telahpun membuat permohonan kepada **PENGERUSI, LEMBAGA PELESENAN ARAK DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA** bagi mendapatkan Lesen Menjual Minuman Keras Jenis **KELAS 1**.

Sebarang bantahan daripada orang ramai hendaklah dikemukakan ke Lembaga Pelesenan dua (2) minggu dari tarikh iklan ini disiarkan. Sekian dimaklumkan.

AA-38-969-11/2018
PERISYHARAN JUALAN
DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI IPOH
PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO: AA-38-969-11/2018

Dalam Perkaranya Seksyen-Seksyen 258 sehingga 259 dan 266 sehingga 269 Karun Tanah Negara 1966;

Dan Dalam Perkaranya mengenai Gadaian Perserahan No. 2499/2003, Jilid No., Folio No., di atas tanah yang dikenali sebagai No. Hak Milik No. H.S.(D) 4692, No. PT 6181, Bandar Seri Iskandar, Daerah Perak Tengah, Negeri Perak;

Dan Dalam perkaranya mengenai Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (No. Syarikat: 98127-X) ... PLAINTIFF
DAN

AMRAN BIN MOHD SARIFF @ SHARIFF (No. Kad Pengenalan: 720610-02-0005) ... DEFENDAN

Menerusi Perintah Mahkamah Tinggi Malaya di IPOH mengenai Perintah jualan dan

[FOTO MOHD SABRAN MD SANI / BH]



Wakil PNK mengajukan soalan kepada Muhammad Faiz pada Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor, di Pasir Gudang, semalam.

Rekod KWSP punca permohonan sara hidup nelayan ditolak

Pasir Gudang: Tindakan memotong nama nelayan daripada menerima bantuan sara hidup ketika proses pemutihan, dilaksanakan selepas rekod mendapati terdapat transaksi simpanan melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata proses itu antara pendekatan dilaksanakan yang menyebabkan ada permohonan nelayan terbabit ditolak.

"Ada nelayan didapati ada rekod simpanan KWSP. Ini bermakna jika ada rekod KWSP, mereka bekerja seperti biasa.

"Jadi, tidak mungkin mereka turun ke laut untuk tempoh 120 hari dan itu proses pemutihan dilakukan kepada golongan nelayan bagi mendapatkan bantuan sara hidup daripada kerajaan.

"Disebabkan status mereka bekerja, maka golongan berkenaan tidak layak mendapat bantuan sara hidup daripada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, Datuk Mohamad Dolmat.

Pertemuan secara santai itu membatik kira-kira 100 ahli dari sembilan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor, yang turut membuka ruang bagi soal jawab selama dua jam.

Antara isu dibangkitkan adalah proses pemutihan nelayan, pencerobohan nelayan asing, kos pembelian peralatan meningkat dan aktiviti nelayan pukat tunda.

Buka rayuan

Mengulas lanjut Muhammad Faiz berkata, kerajaan masih membuka rayuan kepada golongan itu untuk mendapatkan bantuan berkenaan yang masih pada peringkat pertimbangan.

"Hasil pemutihan, sera-

mai 40,000 daripada 57,000 nelayan layak menerima bantuan sara hidup daripada kerajaan kerana menepati syarat. Jadi, kita masih membuka ruang kepada mereka mengemukakan rayuan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)," katanya.

Beliau berkata, ia kemudian akan disemak dan disiasat pula LKIM kerana penolakan bantuan sara hidup sebelum ini ada kemungkinan disebabkan terlepas pandang.

"Siasatan rapi dilakukan supaya mereka yang benar-benar layak tidak terlepas daripada menerima bantuan sara hidup kerajaan.

"Jika rayuan mereka bermerit dan mereka nelayan dari erti kata di bawah undang-undang serta turun ke laut 120 hari setahun, mereka layak menerima bantuan itu.

"Mereka perlu membuktikannya menerusi gambar dan pemeriksaan oleh LKIM untuk melayakkan mereka menerima elaun," katanya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sebelum ini dilaporkan berkata, proses pemutihan itu dilancarkan sejak Mei tahun lalu bertujuan untuk mengelak ketirisan, penyalahgunaan dan penipuan dalam kalangan nelayan.



Disebabkan status mereka bekerja, maka golongan berkenaan tidak layak mendapat bantuan sara hidup daripada kerajaan"

Muhammad Faiz Fadzil,
Pengerusi LKIM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2019	BERITA HARIAN	PILIHANRAYA KECIL	15

SYOR GABUNG LOT PERTANIAN KECIL JADI ESTET

Pekebun kecil bantah cadangan

Ipoh: Pekebun sayur di Cameron Highlands, termasuk pekebun kecil tidak bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya lot pertanian kecil berdekatan digabung menjadi estet bagi membolehkan pengurusannya menjadi lebih cekap.

Pengerusi Persatuan Pekebun Kecil India Cameron Highlands, P Viswanathan, berkata adalah sukar untuk menggabungkan semua kebun sayur di tanah tinggi itu, terutama dalam kalangan kira-kira 600 keluarga pekebun kecil India yang mengusahakan kebun sayur berkeluasan antara 0.8 hektar hingga dua hektar setiap keluarga.

“Apa yang boleh dilakukan kerajaan ialah mewujudkan pusat pengumpulan pertanian yang membuat pembelian pada

harga tetap supaya petani menikmati pendapatan tetap.

“Ketika ini, setiap pekebun melakukan penjualan sendiri pada harga berbeza mengikut kadar ditetapkan pemborong.

FAMA boleh jadi ejen

“Mungkin Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) boleh ditugaskan mengurus pusat pengumpulan itu dan menjadi ejen menjual sayur-sayuran pekebun kecil di tempat lain seperti pasar raya besar,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri dilaporkan mencadangkan golongan petani dan nelayan berusaha dan mengambil pendekatan berbeza daripada cara tradisi supaya mampu bersaing serta menjana pendapatan lumayan.

Dr Mahathir dilaporkan ber-

kata, kerajaan bercadang memperkenalkan sistem pengurusan pertanian lebih cekap untuk membantu petani dan peladang kecil keluar daripada kepompong kemiskinan.

Kaedah pertanian berbeza

Pengerusi Pertubuhan Pertanian Biodinamik Malaysia, Ng Tien Khuan, berkata sukar untuk menggabungkan kawasan sayur-sayuran dimiliki lebih 2,000 pekebun kecil di Cameron Highlands kerana kaedah pertanian tidak sama.

Walaupun kerajaan melantik mereka yang dikatakan pakar dalam menguruskan ladang berskala besar, beliau berkata, tidak semestinya golongan itu memahami masalah dan kos sebenar penanaman sayur-sayuran berbanding pekebun kecil berpengalaman.

“Di Cameron Highlands, kebiasaannya kos untuk penanaman di ladang kecil lebih murah berbanding ladang besar.

“Sebagai contoh, jika satu tapak pertanian kebun kecil membabitkan kos 20 sen, ladang besar biasanya meningkat kepada 30 sen,” katanya yang menjelaskan peningkatan kos itu mungkin disebabkan tenaga buruh, baja dan sebagainya.

Katanya, ada bukti ladang sawit diuruskan pekebun kecil didapati lebih praktikal berbanding dimiliki syarikat perladangan besar berikutan pihak pengurusan tidak cekap.

Bagaimanapun, Tien Khuan tidak menafikan kemungkinan cadangan itu sesuai dan praktikal untuk pertanian lain seperti sawah yang lazimnya di satu tempat dan menggunakan sistem pengairan sama.